

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
PAUTAN : <https://www.sinarharian.com.my/article/643801/berita/nasional/malaysia-singapura-meterai-mou-zon-ekonomi-khas-johor-singapura>

Malaysia, Singapura meterai MoU Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura



Anwar (kanan) bersama Hsien Loong (kiri) menyaksikan majlis MoU antara Rafizi (dua, kanan) dengan Kim Yong di Johor Bahru pada Khamis.

JOHOR BAHRU - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong pada Khamis, menyaksikan Majlis Pemeteraians Memorandum Persefahamam (MoU) Zon Ekonomi Khas Johor- Singapura (JS-SEZ) antara Malaysia dengan Singapura.

Memorandum berkenaan ditandatangani, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Menteri Perdagangan dan Perusahaan Singapura, Gan Kim Yong.

Perjanjian itu akan memperkuatkan lagi hubungan baik antara Johor dan Singapura untuk kemakmuran dan kemajuan kedua-dua belah pihak.

Menurut Rafizi, JS-SEZ akan membuka peluang baharu dalam meningkatkan aliran rentas sempadan barang dan orang ramai, memperkuatkan ekosistem perniagaan, dan meningkatkan daya tarikan ekonomi Johor dan Singapura.

"Saya yakin sepenuhnya bahawa inisiatif ini akan menandakan permulaan transformasi dalam hubungan ekonomi dua hala, kita akan memupuk ketersambungan dan kemakmuran yang tiada tandingan bagi kedua-dua negara." katanya.

Sementara itu, Kim Yong berkata JS-SEZ menggariskan apa yang Singapura dan Malaysia boleh capai apabila kerajaan dan komuniti perniagaan kita bekerjasama rapat.

"Ia akan menjadi jambatan bagi kedua-dua pihak untuk memanfaatkan kekuatan satu sama lain dan merebut peluang untuk berkembang bersama.

"Malaysia dan Singapura merupakan rakan dagang kedua terbesar antara satu sama lain, dengan perdagangan dua hala berkembang 18.9 peratus tahun ke tahun kepada S\$153 bilion pada 2022.

"Singapura juga merupakan sumber utama pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia, yang menyumbang 20.5 peratus jumlah FDI kepada Malaysia pada 2022," katanya.

Idea penubuhan zon itu pertama kali dicetuskan Menteri Ekonomi Malaysia, Rafizi selepas pertemuan dengan kerajaan Johor di Iskandar Puteri pada Mei tahun lalu.

Dua bulan selepasnya kedua-dua negara bersetuju mengorak langkah lebih jauh dengan menujuhkan pasukan petugas khas untuk mengkaji daya maju penubuhan zon ekonomi khas berkenaan.

Pada September tahun lalu, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura itu akan mengambil contoh usaha pembangunan Zon Ekonomi Shenzhen yang berupaya merekodkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencecah RM1.93 trilion pada 2021.

Katanya, kejayaan zon ekonomi itu boleh membawa kepada pengembangan pesat seperti bandar Shenzhen di China, yang berubah daripada sebuah bandar kecil berpenduduk kira-kira 300,000 orang kepada bandar raya metropolis antarabangsa berteknologi tinggi didiami lebih 17 juta orang selepas empat dekad.

Pada 2022, Johor dilaporkan menerima pelaburan asing bernilai RM70.6 bilion dalam pelbagai sektor.

Singapura selaku pelabur asing kedua terbesar di negeri itu menyumbang kira-kira 70 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing (FDI) Johor dalam sektor pembuatan.

Pewujudan zon ekonomi baharu bukan sahaja akan mengukuhkan lagi aktiviti perdagangan dan perniagaan rentas sempadan antara Malaysia dan Singapura, malah mampu muncul sebagai hab ekonomi utama di rantau Asia.